

EK

ECONEWS

PM GESA BANK BANK AMALKAN URUSAN BANK YANG INOVATIF

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Bank-bank hendaklah mengamalkan kegaitan urusan bank yang inovatif, tanpa mengorbankan kecermatan urusan secara tradisi dengan sewenang-wenangnya, untuk menyokong keusahawanan tempatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai pelindung wang rakyat, ahli-ahli bank diharapkan bersikap konservatif, tetapi ada masa-masanya apabila mereka perlu bersikap peneroka dan lebih pemurah dengan modal usaha atau wang modal bagi projek-projek terpilih yang amat-amat memerlukan dan harus mendapat bantuan kewangan, katanya.

Pada waktu yang sama, ahli-ahli bank perlu mengekalkan sikap jujur dan ikhlas yang tertinggi dalam semua usaha mereka, katanya semasa merasmikan program Projek Penilaian dan Pengurusan Analisis Risiko selama tiga minggu di sini hari ini anjuran Kelab Harevard Malaysia, Institut bagi Pembangunan Antarabangsa Harvard dan Institut Ahli-ahli Bank Malaysia.

+Menghadapi risiko yang terancang dan mengamali kecermatan bukanlah tidak serasi,+ katanya, dan menambah bahawa seseorang ahli bank perlu keluar daripada +kepompong selamatnya+ yang selesa itu dan menerokai dunia +penciptaan+ yang mengkagumkan.

+Dia hendaklah menggunakan kepakarannya yang khusus dalam penilaian projek dan pengurusan risiko untuk membuah hasil kepada pembiayaan usaha-usaha yang kreatif, di mana idea-idea dan bukan aset fizikal menjadi sandaran, di mana kemungkinan projek adalah asas yang memadai baginya untuk membabitkan banknya, dan di mana kepentingan jangka panjang bank mengatasi keuntungan jangka pendek,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara ini tidak mampu mengabaikan pentingnya keusahawanan dan pembangunan keusahawanan yang berada di sebaliknya ialah pendidikan dan latihan.

+Ahli-ahli bank hendaklah lebih menyokong ahli inovasi dalam bidang perniagaan apabila menilai projek-projek mereka, terutamanya daripada usahawan-usahawan yang mempunyai wawasan, dinamisma dan semangat juang bagi menjayakan cita-cita dan impian mereka,+ tambahnya. -- Bernama